

09/11/2000

Pusat Pelesenan Sehenti ditubuh

Jami'ah Shukri

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini memutuskan untuk menubuhkan Pusat Pelesenan Sehenti bagi memudahkan kenderaan berat yang membawa bahan berbahaya seperti sisa toksik mendapatkan lesen dengan mudah dan cepat.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kenderaan berat yang membawa bahan berbahaya perlu mendapatkan lesen daripada empat agensi iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), polis dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Berikutan itu, katanya, pemilik kenderaan berat terbabit terpaksa mendapatkan lesen itu daripada ke empat-empat agensi berkenaan sebelum membawa bahan berbahaya itu.

"Keadaan itu dianggap tidak berkesan kerana memerlukan masa yang panjang untuk berurusan dengan agensi berkenaan bagi mendapatkan lesen.

"Oleh itu, kita fikir dengan adanya pusat pelesenan sehenti yang menempatkan semua wakil agensi berkenaan, ia akan melicinkan serta mempercepatkan pengeluaran lesen tanpa banyak kerenah, sekali gus memberi keselesaan kepada mereka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementerian, di sini hari ini.

Dr Ling berkata, proses penubuhan pusat itu masih dalam perbincangan dan akan dilaksanakan segera demi kepentingan semua pihak.

Katanya, selain mengeluarkan lesen, setiap agensi itu mempunyai peranan masing-masing dalam penguatkuasaannya.

Beliau berkata, pihaknya mungkin boleh mendapatkan maklumat daripada polis mengenai laluan dan waktu yang bersesuaian bagi kenderaan berat itu beroperasi.

"Mungkin kenderaan berat yang membawa bahan berbahaya seperti sisa kimia, toksik dan petroleum boleh melalui laluan dan waktu yang tidak sibuk, contohnya pada sekitar jam 1 hingga 3 pagi bagi mengelakkan kemalangan jalan raya," katanya.

Sementara itu, beliau berkata kerajaan mengarahkan pihak berkuasa pelabuhan di negara membina lebih banyak pelabuhan kecil sebagai prasarana untuk kemudahan persinggahan kapal layar atau kapal mewah sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi lain.

Katanya, hasrat memperbanyakkan pembinaan pelabuhan kecil itu disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menggalakkan sektor pelancongan di negara ini.

Beliau berkata, di kebanyakan negara maju, kemudahan infrastruktur menerusi pelabuhan kecil disediakan untuk digunakan pemilik kapal layar membuat persinggahan sebelum meneruskan perjalanan.

Katanya, antara kawasan yang dikenal pasti ialah di Pulau Pinang, Port Dickson di Negeri Sembilan dan Tanjung Piai di Johor.

(END)